

15/10/2003

PM tertarik produk terbaru I-Bhd

PUTRAJAYA: Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad melawat gerai pameran I-Bhd, pembekal penyelesaian rumah pintar i-Home, di Ekspo Sidang Kemuncak Ke-10 Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) di Putrajaya, semalam.

Sempena pameran itu, I-Bhd mempamerkan dua produk terbarunya iaitu pemain DVD mudah alih yang dikenali 'i-portable DVD' dan kamera digital 'i'.

I-Bhd dalam kenyataannya di Kuala Lumpur semalam berkata, ketika lawatan itu, Dr Mahathir bangga dengan produk keluaran tempatan yang kini mampu menembusi pasaran antarabangsa.

Katanya, Malaysia yang sebelum ini dikenali sebagai negara pengeluar produk berasaskan pertanian seperti minyak sawit dan getah kini sudah beralih kepada negara pengeluar barangan elektrik dengan teknologi terkini.

"Penjenamaan memainkan peranan penting dalam usaha memasarkan sesuatu produk.

"Ia memberi nilai dalam kualiti bagi setiap barangan yang diperkenalkan.

"Ini adalah cabaran baru bagi pengilang tempatan dalam meningkatkan kualiti produk yang dihasilkan," katanya.

Pemain DVD model terbaru I-Bhd lebih menepati ciri futuristik, bersaiz hanya tujuh inci dan dilengkapi kemudahan layar TFT matrik dengan kecanggihan teknologi kesan bunyi Dolby Digital.

Ia berfungsi dengan kuasa bateri litium dengan dilengkapi alat pengawal jarak jauh bersaiz kad kredit.

Kamera video digital I-Bhd pula bukan saja boleh berfungsi sebagai kamera peribadi, malah saiznya yang kecil memudahkannya dibawa ke mana-mana atau diletakkan di dalam kocek.